

04 SEP 1998

Anwar-Najib

TIDAK WAJAR ANWAR SERANG SISTEM YANG DAHULU DIDUKUNGNYA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata adalah tidak wajar bagi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerang sistem di negara ini yang dahulu didukungnya.

Katanya tuduhan Anwar tentang adanya konspirasi peringkat tertinggi, prasangka terhadap sistem pemerintahan negara dan kewibawaan serta profesionalisme polis menjalankan siasatan, adalah tuduhan yang sangat berat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan peralatan aeroangkasa Rusia kepada Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Anwar yang telah dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Rabu lepas, semalam mendakwa ada pakatan peringkat tertinggi untuk menjatuhkan beliau.

Beliau juga mendakwa institusi kerajaan telah dipergunakan oleh mereka yang mengadakan pakatan terhadapnya untuk mereka-reka dan mengada-adakan tuduhan.

Dalam affidavit seorang pegawai kanan polis yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam perbicaraan Datuk S.Nallakaruppan semalam, Anwar telah didakwa melakukan perkara sumbang, mengancam keselamatan negara, membocor rahsia negara dan rasuah.

Mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memecat Anwar daripada parti itu, Najib berkata keputusan MT itu tidak bermakna Anwar telah didapati bersalah terhadap apa-apa tuduhan, kerana sekiranya ia dianggap demikian bermakna parti sudah mendahului keputusan mahkamah.

Beliau berkata keputusan itu bersifat pelucutan daripada parti untuk membolehkan Anwar membersihkan dirinya dan ia tidak boleh dianggap sebagai tidak adil kerana ia memberi peluang untuk beliau menuntut keadilan melalui proses perundangan.

Najib berkata MT membuat keputusan setelah memikirkan bahawa Anwar perlu mengasingkan soal peribadi daripada dikaitkan dengan parti dan kedudukan parti pada keseluruhannya.

"Kita fikir oleh kerana tuduhan itu sangat berat maka langkah wajar untuk diambil olehnya ialah membersihkan dirinya sehingga dapat meyakinkan bahawa tuduhan itu tidak benar atau sebaliknya melalui proses yang boleh dilalui oleh seseorang dalam hal seperti ini," kata Najib yang menyokong penuh keputusan itu.

Katanya MT berpendapat kalau Anwar masih merupakan Timbalan Presiden dan anggota parti maka parti akan terheret sama dalam kancah dan kemelut itu.

"Jadi pertama kita harap beliau berundur secara terhormat daripada kedudukannya dalam parti tetapi beliau enggan berbuat demikian maka MT membuat keputusan untuk memecatnya daripada menjadi ahli," katanya.

Semasa ditanya mengenai dakwaan media asing bahawa pelucutan jawatan dan pemecatan Anwar daripada parti itu ada kaitan dengan pemilihan parti tahun depan, Najib berkata keputusan itu berkisar pada soal peribadi yang melibatkan tuduhan yang berat.

Katanya memang sebelum ini ada pemimpin yang dihadapkan dengan sesuatu tuduhan dan keanggotaannya digantung, tetapi tuduhan terhadap Anwar amat luar biasa dan meliputi sekali gus beberapa aspek yang sangat serius.

Mengenai keputusan Dr Mahathir untuk mengosongkan jawatan Timbalan

Presiden sehingga pemilihan parti tahun depan manakala jawatan Timbalan Perdana Menteri berkemungkinan besar tidak akan diisi, Najib berkata ia merupakan kuasa mutlak Presiden parti dan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NHD NMO